



“AURAT : ANTARA KEBEBASAN DAN MARUAH DIRI”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَبْنِي ءَادَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا
يُورِي سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا ^صوَلِبَاسُ التَّقْوَى ذَٰلِكَ خَيْرٌ
ذَٰلِكَ مِنْ ءَايَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿٢٦﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,



Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan benar-benar menghayati segala amalan yang diperintahkan dan meninggalkan segala larangannya. Semoga dengan memperoleh keredhaan Allah itu, kita akan menjadi umat yang berjaya dalam hidup di dunia dan akhirat.

Khutbah pada kali ini dapat memberikan kefahaman kepada kita tentang **"Aurat: Antara Kebebasan dan Maruah Diri"**.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Sesungguhnya makanan, tempat tinggal dan pakaian adalah keperluan asasi manusia di dunia ini. Makan dan minum sebagai sumber tenaga bagi melaksanakan aktiviti ibadah dan riadah. Tempat tinggal adalah untuk keselesaan fizikal dan mental. Manakala pakaian pula untuk menyempurnakan kesemua aspek itu bagi mencerminkan umat yang beriman, bertamadun dan bermaruah. Dalam erti kata lain, manusia yang tidak berpakaian atau yang mendedahkan aurat. Maka ia menuju ke jalan dosa dan kemurkaan Allah SWT.

Umat Islam wajib mengetahui batasan aurat antara lelaki dan wanita. Aurat lelaki adalah antara pusat dan lutut. Manakala aurat wanita adalah seluruh tubuh badan kecuali muka dan kedua tapak tangan.

Penjelasan yang panjang telah diberikan oleh Allah SWT dalam surah an-Nur ayat 31 yang bermaksud:

" Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah



mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya".

Justeru umat Islam perlulah mengawal diri agar tidak melanggar batas-batas yang telah ditetapkan dalam soal perhiasan dan berpakaian yang merupakan komponen penting aurat.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mengapakah Islam begitu menitikberatkan permasalahan aurat baik lelaki ataupun perempuan? Ini adalah kerana di dalamnya terkandung pelbagai hikmah tersembunyi yang sebahagiannya masih gagal difahami oleh umat Islam hari ini antaranya adalah;

1. Untuk melindungi wanita daripada disakiti secara zahir dan batin;

Sebenarnya menutup aurat dengan sempurna khususnya wanita dapat mengelak dari gejala kacau ganggu samada secara fizikal atau mental. Secara tidak langsung pakaian yang menutup aurat dan sopan merupakan antara cara untuk menghindari fitnah, pandangan yang jahat dan menghindarinya dari perkara yang buruk berlaku. Lorong-lorong gejala negatif seperti rogol, zina, sumbang mahram dapat ditutup.



Firman Allah SWT dalam surah Al Ahzab ayat 59:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ
يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلْبَابٍ مِّنْ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا يُعْرَفْنَ فَلَا
يُؤْذَيْنَ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥٩﴾

"Wahai Nabi! Suruhlah isteri-isteri mu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuh mereka (semasa keluar rumah), yang demikian itu lebih mudah untuk mereka dikenali (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".

Perbandingan paling mudah boleh kita ambil ialah tentang sebuah rumah yang ditinggalkan penghuninya untuk balik ke kampung. Rumah A ditinggalkan dalam keadaan dikunci rapi tingkap dan pintunya, pagarnya pula berkunci dengan mangga. Manakala rumah B pula dibiarkan terbuka dan ditinggalkan begitu sahaja. Manakah rumah yang paling diminati dan diceroboh oleh pencuri? Sudah tentu rumah B kerana ia terdedah dan memudahkan anasir luar mencerobohnya. Maka, begitulah perumpamaan yang mudah bagi wanita yang menutup aurat.

2. Hikmah yang kedua adalah untuk meninggikan darjat insan melebihi makhluk lain ciptaan Allah SWT;



Inilah kelebihan yang Allah berikan kepada manusia. Manusia diberikan akal fikiran yang dengannya dapat berfikir untuk perkara-perkara baik dan buruk, dosa dan pahala. Akal pula diletakkan di tempat paling atas pada jasad manusia sebagai lambang ciptaan Allah dengan sebaik-baik kejadian. Teristimewanya bagi kaum wanita yang diberi penilaian dan penghargaan yang sangat tinggi nilainya oleh Islam.

Allah SWT berfirman dalam surah At Tin ayat 4-5:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾ ثُمَّ
رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ﴿٥﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا
الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٦﴾

“Sesungguhnya Kami jadikan manusia sebaik-baik ciptaan, kemudian kami kembalikan mereka ke tempat yang paling bawah di dalam neraka, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus”.

Manusia dengan sebaik-baik kejadian dan disyariatkan pula supaya tubuhnya ditutup dengan pakaian yang rapi serta indah dan lengkap berdasarkan tuntutan agama agar dapat dibezakan dengan haiwan yang berjiwa kosong tanpa akal dan badan yang sentiasa terdedah sepanjang masa.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,



Sebahagian masyarakat menganggap bahawa menutup aurat itu menyekat kebebasan individu. Apakah benar dakwaan tersebut?. Dakwaan ini harus disangkal sama sekali. Ia digembar gemburkan oleh musuh-musuh Islam dengan pelbagai dakyah hingga sebahagian umat Islam terpengaruh dan mempercayainya. Kita dibuai dengan hiburan dan santapan fesyen pakaian yang pelbagai rupa dan gaya hingga terkeliru antara yang dibenarkan dan tidak dibenarkan oleh syarak.

Allah SWT mengharamkan lelaki dan wanita mendedahkan aurat bukan bertujuan menyekat kebebasan tetapi kerana Allah memuliakan dan menghargai mereka. Tiada lelaki dan wanita yang teraniaya dengan menutup aurat, sebaliknya dengan mendedahkan aurat ia telah menzalimi diri mereka dan boleh merosakkan orang lain. Malah Islam memandu mereka ke arah jalan keredhaan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Menutup ruang-ruang maksiat dan meningkatkan iman. Inilah kebebasan hakiki yang perlu dicari setiap insan dalam mencapai mardhatil Allah.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Pada kesempatan ini juga khatib ingin mengingatkan supaya kita sama-sama dapat mengambil iktibar terhadap perkara-perkara berikut;

1. Umat Islam hendaklah mempunyai akidah yang betul dengan meyakini bahawa menutup aurat itu adalah merupakan tuntutan syariat Islam yang wajib dipatuhi.
2. Allah SWT mewajibkan lelaki dan perempuan menutup aurat dengan tujuan untuk meninggi dan memuliakan darjat manusia berbanding dengan makhluk Allah yang lain.



3. Wanita hendaklah menutup aurat supaya terhindar daripada gangguan seksual dan penganiayaan oleh lelaki yang tidak bermaruah dan bermoral.
4. Ketua keluarga, ketua masyarakat dan pemimpin-pemimpin hendaklah memastikan diri dan orang di bawah jagaannya benar-benar mematuhi syariat Allah khususnya dalam menutup aurat.
5. Penaja-penaja dan penganjur-penganjur fesyen pakaian hendaklah peka dengan setiap rekaan yang mereka tonjolkan dengan mematuhi syariat Allah SWT.
6. Penutupan aurat tidak hanya sekadar menutup tubuh badan, tetapi hendaklah takut kepada Allah dan menambahkan ketakwaan kepada Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَبْنِيْءَ آدَمَ لَا يَفْتِنَنَّكُمْ الشَّيْطَانُ كَمَا أَخْرَجَ
أَبَوَيْكُمْ مِّنَ الْجَنَّةِ يَنْزِعُ عَنْهُمَا لِبَاسَهُمَا لِيُرِيَهُمَا
سَوْءَٰتِهِمَا ۗ إِنَّهُ يَرِنَكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُ مِّنْ حَيْثُ لَا
تَرَوْنَهُمْ ۗ إِنَّا جَعَلْنَا الشَّيْطَانَ أَوْلِيَاءَ لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ





"Wahai anak-anak Adam! Janganlah kamu diperdayakan oleh Syaitan sebagaimana ia telah mengeluarkan kedua ibu bapa kamu dari Syurga, sambil dia menyebabkan terlucutnya pakaian mereka berdua untuk memperlihatkan kepada mereka: Aurat mereka (yang sebelum itu tertutup). Sesungguhnya Syaitan dan kaumnya melihat kamu dengan keadaan yang kamu tidak dapat melihat mereka. Sesungguhnya Kami telah menjadikan Syaitan-syaitan itu teman rapat bagi orang-orang yang tidak beriman".

(al-a'raaf- 27).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ
الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ
وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَلَاحُ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.